



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **14 Sep 2020 (Isnin)**

#### **Berita Harian**

Kebenaran beri peluang peniaga terjejas sejak PKP	1
Tangani liberalisme, fahaman bercanggah dengan ilmu	2

#### **Utusan Malaysia**

Kedai serbaneka, restoran beroperasi hingga 2 pagi	3
Pengadilan terus dipertikai	4

#### **Kosmo**

Kantung zakat susut	5
Kutipan kurang sehingga RM20 juta	6
Elaun masjid di Selangor dipotong	7
Waktu operasi restoran, kedai serbaneka di Selangor dilanjut	8

#### **Sinar Harian**

Dihempap struktur rumah	9
MPK siap sedia hadapi fenomena air pasang	10

#### **The Star**

MBPJ TAX REBATE	11
Lest we forget the hardworking 'water men'	12

#### **New Straits Times**

Think for the long term	13
New water entity for FT won't solve problems, says association president	14

#### **The Sun**

KL food premises allowed to stay open until 2am	15
---	----

#### **The Malaysian Reserve**

Selangor Business Hub aims 3000 firms on online platform	16
Punish, not reward wrongdoers	17



**KERATAN AKHBAR**  
**14 September 2020**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kebenaran beri peluang peniaga terjejas sejak PKP
Muka Surat	:	5

*Restoran, kedai serbaneka boleh buka sehingga 2 pagi*

# Kebenaran beri peluang peniaga terjejas sejak PKP

Keputusan KL, Selangor selari pengumuman Menteri Kanan (Keselamatan)

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Norzamira Che Noh  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kedai makan dan kedai serbaneka dalam kawasan seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dibenarkan beroperasi sehingga jam 2 pagi, mulai hari ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata ia selari dengan pengumuman Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Khamis lalu.

“Saya sudah berbincang mengenai perkara ini dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham A Dahlan.

“Eloklah beri peluang kepada peniaga yang sudah lama terjejas sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tambah pendapatan mereka,” katanya pada sidang media Program Pengindahan Taman Awam Bukit Kiara di sini, semalam.

Keputusan itu menyusul sehari selepas DBKL memaklumkan semua operasi premis perniagaan di Kuala Lumpur masih dikekalkan sehingga jam 12 tengah



**Kebanyakan peniaga restoran terjejas ketika PKP dan peluang melanjutkan operasi premis hingga jam 2 pagi memberi peluang menambahkan pendapatan.**  
 (Foto hiasan)

malam, sepanjang tempoh PKP Pemulihan (PKPP).

Khamis lalu, Ismail Sabri dilaporkan berkata, kedai makan, restoran, dan kedai serbaneka 24 jam dibenarkan beroperasi sehingga jam 2 pagi.

Di **Shah Alam**, Selangor turut membuat keputusan yang sama untuk membenarkan semua restoran dan kedai serbaneka di negeri itu beroperasi sehingga 2 pagi, seiring keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor,



**Ng Sze Han**

Ng Sze Han, berkata keputusan itu dibuat selepas mengambil kira penularan kes COVID-19 di Selangor terkawal sepanjang pelaksanaan PKPP.

“Kes COVID-19 di Selangor terkawal sepanjang PKPP, kini tiba masa untuk menangani dan memulihkan ekonomi,” katanya dalam kenyataan.

Bagaimanapun, Sze Han mengingatkan pengunjung dan pengusaha restoran supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan MKN dan mengamalkan penjarakan fizikal.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Tangani liberalisme, fahaman bercanggah dengan ilmu
Muka Surat	:	35

# Tangani liberalisme, fahaman bercanggah dengan ilmu

Oleh Ruwaida Md Zain  
 bhnews@bh.com.my

**Fahaman** liberalisme, pluralisme, pragmatisme dan apa juga 'ism' atau cara fikir yang berlawanan prinsip al-Quran, sunnah dan qudwah Nabi Muhammad SAW adalah ditolak Islam.

Berhukum dalam menerima atau menolak dan menyetepikan cara fikir, hendaklah berdasarkan ketetapan bersifat mutlak dan relatif ditetapkan Islam.

Rujukan kepada nas al-Quran atau matan sesuatu hadis tertentu hendaklah dibuat mengikut disiplin ilmu yang ditetapkan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mohd Shahzihan Ahmad, berkata tidak boleh disimpulkan untuk dipegang sebagai menepati satu-satu cara fikir hanya semata-mata merujuk zahir ayat nas al-Quran atau matan hadis atau terjemahan semata-mata.

Beliau berkata, kebenaran sesuatu bentuk dan kebenaran aliran berfikir atau cara fikir perlu merujuk ketetapan apa yang dirumus dan dihurai ulama terhadap nas al-Quran, begitu juga kaedah pengambilan hukum daripada hadis.

"Di sinilah timbulnya pembelajaran berkaitan ayat ahkam dan hadis ahkam (ayat dan hadis yang membawa kesan hukum), sehinggalah dalam perbincangan itu lahir kesimpulan dan rumus berhukum melalui kaedah fiqh," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas pendirian tegas Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang memandang serius dan mengutamakan isu berkaitan

akidah umat Islam termasuk ancaman gerakan liberal di Selangor.

Antara 2014 hingga 2019, JAIS melaksanakan 582 aktiviti membabitkan sesi penjelasan, seminar, konvensyen dan pemantauan bagi memastikan fahaman liberalisme termasuk ajaran sesat dapat ditangani ke peringkat akar umbi.

Dalam menghadapi fahaman ism atau cara fikir yang bercanggah dengan Islam, Mohd Shahzihan berkata, tiada cara lain melainkan menerima kehadiran sebagai cabaran baharu ummah.

Katanya, ia bukanlah fahaman dan cara fikir yang bertunggang kuat, melainkan suatu pola pemikiran yang menimbulkan krisis pertentangan antara hak dan batil dalam melihat serta memberi makna kehidupan semasa.

"Ini mencakupi tradisi dan prinsip ketuhanan, perundangan, kemasyarakatan, kedunian lainnya dan soal berkaitan hubungan secara langsung atau tidak dengan kehidupan dan pasca kematian.

**Selama mana ilmu Islam hanya di bilik darjah, ia akan hanya terhenti sebagai satu falsafah bukannya pegangan dan amalan spontan masyarakat Islam.**

**Mohd Shahzihan Ahmad,**  
 Pengarah JAIS

"Bagi mempercepatkan penzahiran, umat Islam perlu mendepani isu ini dengan ketumbukan besar masyarakat yang bersatu hati dan fikrah, berpegang kepada sistem dan disiplin keilmuan yang benar agar aliran arus jernih dan laju dapat meneutralkan sebarang lumpur, kotor dan sampah daripada ism songsang di tengah dan di pingiran," katanya.

Beliau menegaskan, kedudukan Islam dalam perlembagaan dan kuasa negeri dalam hal ehwal agama Islam adalah faktor utama yang sentiasa membuka jalan kepada aliran arus yang akan menjernihkan lumpur dan kotoran ism ini.

Bagaimanapun, katanya pelaksanaannya memerlukan hasrat, cita-cita dan harapan kepemimpinan Islam di pelbagai hierarki serta tindakan radikal pentadbir hal ehwal Islam dan masyarakat Islam secara keseluruhan.

"Selama mana ilmu Islam hanya di bilik darjah, ia akan hanya terhenti sebagai satu falsafah bukannya pegangan dan amalan spontan masyarakat Islam.

"Selagi masjid dan surau gagal menjadi pusat keilmuan Islam yang membina keimanan dan kekuatan beramal masyarakat sekitar, sebaliknya menjadi gelanggang perpecahan, air yang jernih tidak akan bertakung untuk melimpah menjadi ibu air yang mengalir deras membawa, membuang dan menolak bersekali bersamanya kekotoran dan sampah sarap ke hulu sungai," katanya.

Beliau berkata, dalam soal hak asasi diperjuangkan, ia hanya suatu cara pegangan ism ini merasionalisasikannya agar merentas semua permasalahan

dan membentuk logik adil yang menyanggahi prinsip serta bentuk keadilan ditetapkan Islam.

"Kesimpulannya, ism songsang nyata dan jelas salah apabila dilihat dan dinilai daripada sudut prinsip Islam, kaca mata sarwa jagat dan fitrah manusia.

"Tiada jalan lain menghadapi ism semasa ini, melainkan menjadikan kebatilan sebagai batu sempadan. Perlu lah terus memegang dan memacu kebenaran ilmu Islam sebagai izzah dalam persekitaran tersendiri dan terhormat di mata dan pandangan Allah SWT.

"Ini bermakna ilmu adalah sangat perlu bagi menilai dan memisahkan kebatilan dan ia berlaku bukan secara berfikir panjang, sebaliknya secara spontan dan tanpa rasa serba salah atau goyang dan berbelah bagi.

"Berpeganglah secara bijak kepada apa yang disabdakan Rasulullah SAW yang memperingatkan bahawa sesiapa yang mahukan dunia hendaklah dengan ilmu, jika mereka mahukan akhirat hendaklah juga dengan ilmu dan jika mahukan kedua-duanya (dunia dan akhirat) hendaklah juga dengan memiliki ilmu pengetahuan," katanya.

Pada masa sama, katanya umat Islam hendaklah beradaptasi dengan bijak kepada perkembangan semasa, ancaman serta kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi.

"Mungkin tidak ramai mampu beradaptasi dengan cara fikir baharu ini dan dapat menguruskannya dengan baik, namun itulah hakikat kemenangan hasil kepayahan, kegetiran dan kesakitan memegang agama bagai memegang bara api yang panas," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**14 September 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kedai serbaneka, restoran beroperasi hingga 2 pagi
Muka Surat	:	11

## Kedai serbaneka, restoran beroperasi hingga 2 pagi

**SHAH ALAM:** Semua restoran dan kedai serbaneka di negeri ini dibenarkan beroperasi sehingga pukul 2 pagi.

Waktu operasi perniagaan itu dilanjutkan selaras dengan kebenaran yang diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han berkata, kes Covid-19 di negeri Selangor dalam keadaan terkawal sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Tiba masanya untuk menangani dan memulihkan ekonomi. Bagaimanapun, pencegahan penularan Covid-19 masih merupakan keutamaan kerajaan negeri.

“Selain itu, para pengunjung dan pengusaha diingati supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh MKN dan mengamalkan penjarakan fizikal,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sebelum ini, sepanjang PKP



**Para pengunjung dan pengusaha diingati supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.”**

**NG SZE HAN**

Pemulihan (PKPP) yang berakhir hujung Ogos lalu, kedai serbaneka, restoran, gerai makan dan semua perniagaan menjual makanan dibenarkan untuk beroperasi sehingga pukul 12 tengah malam.

Baru-baru ini juga, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan waktu operasi kedai makan dan kedai serbaneka dilanjutkan sehingga 2 pagi di bawah PKPP yang dijadualkan berakhir 31 Disember tahun ini.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**14 September 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pengadilan terus dipertikai
Muka Surat	:	46

# Pengadilan terus dipertikai

Oleh **SUFIAN HADI SOJAK**  
 sufian.sojak@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Selepas aksi Terengganu menentang Johor Darul Ta'zim (JDT), mutu pengadilan sekali lagi tercemar, kali ini melibatkan perlawanan PJ City dan Sabah dalam saingan Liga Super, kelmarin.

Isu tersebut timbul selepas penjaga gol Sabah, Rozaimie Rohim dilihat sudah terkeluar dari garisan gol sebelum sepakan penalti dibuat oleh penyerang PJ City, Washington Brandao pada masa kecederaan masa penuh.

Meskipun Rozaimie berjaya menangkis tendangan tersebut, namun pengambilan penalti tidak dilakukan semula meskipun jelas penjaga gol telah keluar dari garisan gol sebelum bola itu disepak.

Keputusan tersebut menyakiskan PJ City sekadar berkongsi satu mata selepas terikat 1-1 menerusi jaringan Elizue Araujo dan Rodoljub Paunovic.

"Bukan isu besar apabila Washington gagal menyempurnakan sepakan penalti sebab kami tahu dia memang hebat.

"Cuma ada harinya ia tidak menemui jaringan, itu perkara biasa dalam bola sepak," kata pengendali PJ City, K. Devan yang enggan mengulas isu kualiti pengadilan perlawanan.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengadil Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM),



**PJ City gagal meraih tiga mata selepas terikat seri 1-1 dengan Sabah dalam saingan Liga Super di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, kelmarin.**

Md. Dali Wahid akan memberikan kenyataan berhubung isu mutu pengadilan selepas bermesyuarat hari ini.

"Salam, esok (hari ini) pukul 3 petang saya ada mesyuarat. Selepas itu baharu saya buat kenyataan. Maaf, terima kasih," kata Dali kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Kelmarin, pemilik JDT, Tunku Ismail Sultan Ibrahim

secara lantang mengkritik pengadilan Wan Mohamad Tarmizi Wan Ibrahim dalam saingan Liga Super di antara skuad *Harimau Selatan* menentang Terengganu.

Tunku Ismail menyifatkan pengadilan amat teruk kerana ada beberapa sepakan penalti dan kad merah sepatutnya dilayangkan akibat kekasaran pemain tetapi tidak mendapat perhatian pengadil.



**Bukan isu besar apabila Washington gagal menyempurnakan sepakan penalti sebab kami tahu dia memang hebat."**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 14 September 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kantung zakat susut
Muka Surat	:	1

Elaun 3,000 pegawai, jawatankuasa 375 masjid di Selangor dipotong

# Kantung zakat susut



LEMBAGA Zakat Selangor membuat unjuran kutipan keseluruhan sebanyak RM800 juta berbanding sasaran awal RM900 juta pada tahun ini.  
- GAMBAR HIASAN

KUTIPAN zakat di Selangor merekodkan penurunan ketara sehingga 31 peratus berpunca daripada faktor kekangan kewangan yang dihadapi pembayar zakat susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan pandemik Covid-19 sejak Mac lalu.

Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS), Abdul Basith Hamid berkata, kutipan zakat bagi bulan Mac tahun ini di negeri itu adalah sebanyak RM44.9 juta berbanding RM65.7 juta dalam tempoh sama tahun lalu.

• BERITA PENUH DI MUKA 2 & 3





<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kutipan kurang sehingga RM20 juta
Muka Surat	:	2

Penstrukturan semula agihan zakat akan dilakukan bagi memenuhi keperluan asnaf

## Kutipan kurang sehingga RM20 juta

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Kutipan zakat di Selangor menunjukkan penurunan ketara sehingga 31 peratus yang berpunca daripada kekangan kewangan dihadapi para pembayar zakat ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu.

Berdasarkan rekod Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada bulan Mac, agensi itu merekodkan penurunan ketara sehingga mencecah RM20 juta sebulan.

Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS, Abdul Basith Hamid berkata, kutipan zakat bagi bulan Mac tahun ini adalah RM44.9 juta, iaitu penurunan lebih 31 peratus berbanding RM65.7 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Katanya, bagi bulan April, LZS berjaya mengutip RM71.9 juta, iaitu hanya pengurangan RM2 juta berbanding RM73.9 juta tahun lalu.

"Punca penurunan berkemungkinan disebabkan faktor kekangan kewangan yang dihadapi oleh para pembayar zakat susulan pelaksanaan PKP.

"Situasi ini menyebabkan LZS membuat unjuran atau sasaran kutipan RM800 juta berbanding RM900 juta semasa awal pelaksanaan PKP oleh pihak kerajaan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Bagaimanapun, ujar beliau, secara realitinya LZS dapat melihat proses pergerakan semasa ekonomi negara yang bermula sejak Mei adalah lebih pantas berbanding negara-negara lain.

"Trend kutipan zakat didapati



LZS dijangka menstrukturkan semula pengagihan zakat tahun ini bagi memenuhi keperluan lebih 60,000 keluarga asnaf. – GAMBAR HIASAN

mula meningkat pada Mei lalu dengan mencatatkan RM135.9 juta termasuk zakat fitrah berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM113.5 juta selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan kerajaan," tambahnya.

Mengulas lanjut, Abdul Basith menjelaskan, LZS berkemungkinan terpaksa menstruktur semula pengagihan zakat agar dapat memenuhi keperluan lebih

60,000 keluarga asnaf sekiranya sasaran kutipan RM800 juta itu tidak dapat dicapai.

Jelasnya, orang ramai harus menyedari bahawa LZS secara hakikatnya sama seperti institusi zakat yang lain di negara ini yang bertindak menstruktur semula pengagihan zakat bergantung kepada jumlah kutipan zakat yang dapat dikutip daripada para pembayarinya.

"Ia penting bagi memasti-

kan kutipan tersebut mampu menampung keperluan agihan zakat.

"Secara umum, pelaksanaan agihan zakat di Selangor adalah berdasarkan Maqasid Syariah melibatkan tiga kategori utama iaitu bantuan berbentuk Daruriyat (asasi), Hajiyyat (keperluan) dan Tahsinyyat (pelengkap).

"Justeru, terdapat beberapa jenis bantuan zakat terutama dalam kategori Tahsinyyat akan

dihentikan terlebih dahulu berbanding dua kategori lain bagi memastikan kelangsungan asnaf yang disifatkan begitu terdesak demi kelangsungan hidup mereka," katanya.

Beliau berkata, kesedaran orang ramai terhadap pembayaran zakat tetap menunjukkan peningkatan iaitu seramai 42,264 pembayar zakat baharu pada tahun 2019 berbanding 37,442 orang pada tahun sebelumnya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Elaun masjid di Selangor dipotong
Muka Surat	:	3

# Elaun masjid di Selangor dipotong

Oleh **EDDY HAMIDI**


**KUALA LUMPUR** - Jumlah elaun bulanan yang diberikan kepada ahli jawatan kuasa masjid di seluruh negeri Selangor oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) terpaksa dikurangkan bagi memberi keutamaan kepada golongan asnaf yang lebih memerlukan di negeri itu.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, surat makluman berhubung perkara itu telah dikeluarkan pada 10 September lalu melalui Bahagian Pengurusan Masjid JAIS.

"Arahan dikeluarkan kepada semua Pegawai Tadbir Agama Daerah memandangkan bayaran kepada individu terlibat dibuat oleh Pejabat Agama Daerah masing-masing.

"Arahan juga dibuat secara dalaman kepada semua Pegawai Tadbir Agama Daerah supaya bayaran dilakukan mengikut jadual baharu yang telah ditetapkan susulan penstrukturan semula peruntukan oleh pihak LZS," katanya.

Menurut Mohd. Shahzihan, Pegawai Tadbir Agama turut diarahkan untuk memaklumkan kadar baharu itu selaras dengan kesedaran semua pihak termasuk pegawai yang layak menerima bayaran bahawa pandemik Covid-19 memberi kesan kewangan dan ekonomi kepada banyak pihak. "Bayaran tersebut bukanlah secara bulanan, namun dibayar secara empat bulan sekali dan bayaran bagi Januari hingga April telah dibuat mengikut kadar asal sebelum penstrukturan semula dibuat.



**SURAT makluman pengurangan bayaran elaun pegawai dan AJK masjid di negeri Selangor oleh JAIS bertarikh 10 September lalu.**

"Insyaa-Allah, pada tahun hadapan JAIS berharap peruntukan diberikan seperti sebelumnya, namun ia bergantung kepada kemampuan LZS untuk berbuat demikian," jelas beliau.

Untuk rekod, terdapat sekurang-kurangnya 375 masjid di sekitar Selangor yang berdaftar dengan JAIS dan sebelum ini kesemua masjid tersebut layak

menerima peruntukan sebanyak RM1,430 untuk diagihkan kepada lapan ahli jawatan kuasa setiap masjid melibatkan seramai 3,000 individu.

Bagaimanapun, jumlah RM1,430 itu kini terpaksa dikurangkan kepada RM800 bagi memberi keutamaan kepada keperluan golongan fakir miskin yang memerlukan.



**SEBANYAK 375 masjid di seluruh Selangor yang berdaftar dengan JAIS terlibat dalam pengurangan elaun bermula Mei lalu.** - GAMBAR HIASAN

Dalam pada itu, Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS, Abdul Basith Hamid berkata, penstrukturan semula kadar bayaran elaun itu dibuat hasil daripada perbincangan di antara pihak LZS dan JAIS susulan pengurangan jumlah kutipan zakat semasa.

"Baru-baru ini kita dikejutkan dengan pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memberi kesan kepada banyak pihak dan ia secara tidak langsung memberi kesan kepada jumlah kutipan zakat.

"Kami juga menjangkakan pertambahan dalam golongan asnaf serta permohonan bantuan lebih-lebih lagi apabila berakhirnya tempoh moratorium kelak," katanya kepada Kosmo! ketika dihubungi semalam.

## Elaun AJK masjid

Jawatan	Kadar lama	Kadar baharu
• Bilal 1	RM290	RM140
• Bilal 2	RM200	RM100
• Siak 1	RM240	RM140
• Siak 2	RM150	RM100
• Nazir	RM250	RM100
• Timbalan Nazir	RM100	RM100
• Setiausaha	RM100	RM100
• Bendahari	RM100	RM100
<b>Jumlah</b>	<b>RM1,430</b>	<b>RM880</b>
• Jumlah Masjid Selangor	- 375	
• AJK seluruh masjid	- 3,000 orang	





**KERATAN AKHBAR**  
**14 September 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Waktu operasi restoran, kedai serbaneka di Selangor dilanjut
Muka Surat	:	4

## Waktu operasi restoran, kedai serbaneka di Selangor dilanjut

**SHAH ALAM** – Kerajaan negeri Selangor semalam membenarkan waktu operasi restoran dan kedai serbaneka untuk dilanjutkan sehingga pukul 2 pagi.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han, ia selaras dengan kebenaran yang diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) baru-baru ini.

“Kes Covid-19 di Selangor dalam keadaan terkawal sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Kini tibanya masa untuk menangani dan memulihkan ekonomi. Bagaimanapun, pencegahan penularan Covid-19 masih merupakan keutamaan kerajaan negeri,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sehubungan itu, Sze Han mengingatkan para pengunjung dan pengusaha supaya sentiasa



**RESTORAN di Selangor boleh beroperasi sehingga pukul 2 pagi.**

mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh MKN dan mengamalkan penjarakan fizikal.

Sebelum ini, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berakhir hujung Ogos lalu, kedai serbaneka, restoran, gerai makan dan semua perniagaan menjual makanan

dibenarkan untuk beroperasi sehingga pukul 12 tengah malam.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini mengumumkan waktu operasi kedai makan dan kedai serbaneka dilanjutkan sehingga 2 pagi di bawah PKPP yang dijadualkan berakhir 31 Disember depan.



## KERATAN AKHBAR 14 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Dihempap struktur rumah
Muka Surat	:	24

# Dihempap struktur rumah

Ibu dan bayi ditemukan  
tidak sedarkan diri

Oleh NORAFIZA JAAFAR

**GOMBAK**

Seorang wanita dan bayi lelaki-nya berusia dua bulan cedera dihempap struktur rumah yang runtuh dalam kejadian di Jalan Berlian 8, Kampung Wira Damai di sini kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 petang itu, mangsa, Nurfatim Syafinaz Rohman, 27, dan bayinya ditemukan di dalam sebuah bilik dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Turut berada di dalam bilik itu ialah suaminya yang mengalami cedera ringan sementara seorang lagi anak lelaki mereka berusia empat tahun tidak cedera.

Menceritakan kejadian, ibu mangsa, Faizah Mohd Hussin, 68, berkata, ketika kejadian beliau baru sahaja beberapa minit keluar dari rumah untuk memetik buah mangga sebelum terdengar dentuman kuat.

"Sebelum kejadian, saya baru berbual dengan anak (Nurfatim Syafinaz) sebelum dia ke bilik menyusukan bayinya.

"Ketika keluar memetik buah mangga, saya terdengar bunyi kuat dan selepas

Runtuhan yang berlaku di rumah mangsa di Jalan Berlian 8, Kampung Wira Damai, Gombak kelmarin.



masuk ke dalam rumah, saya dapati anak dan cucu berada di bawah runtuhan dinding dan tidak sedarkan diri," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di lokasi kejadian semalam.

Faizah berkata, beliau kemudian menjerit meminta pertolongan jiran-jiran untuk mengeluarkan anak dan cucunya.

"Anak dan cucu saya dirawat di Hospital Selayang dan keadaan mereka dilaporkan stabil," katanya.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari turut membuat lawatan ke lokasi kejadian.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Baru Selayang, Penolong Kanan Penguasa Bomba Ah-

mad Syauqi Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 5.16 petang.

"Semua mangsa telah dikeluarkan orang awam. Ibu dan bayi yang cedera dibawa ke Hospital Selayang menaiki Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS)," katanya.

Beliau berkata, siasatan berhubung kejadian diteruskan dan mengenal pasti risiko lain bagi mengelak insiden sama berulang selain menasihatkan rumah terbabat dikosongkan sementara waktu.

"Siasatan awal mendapati bumbung dan dinding yang memisahkan rumah berkenaan dengan rumah sebelah telah runtuh," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **14 September 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MPK siap sedia hadapi fenomena air pasang
Muka Surat	:	24

# **MPK siap sedia hadapi fenomena air pasang**

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) bersiap sedia menghadapi fenomena air pasang yang diramal melanda 11 kawasan di daerah itu.

Timbalan Pengarah Penguatkuasa MPK, Sharul Hazri Abdul Majid berkata, pihaknya telah menempatkan anggota untuk bertugas di kawasan terlibat antaranya Kampung Tok Muda, Sungai Pinang Pulau Indah, Pandamaran, Pelabuhan Klang, Kampung Sungai Serdang, Ban Sementa, Ban Sungai Keramat, Kampung Perempat, Pelabuhan Utara, Telok Gong dan Pulau Ketam.

“Kita tempatkan anggota yang akan bertugas selama 24 jam dengan melibatkan tiga syif dan setiap syif terdapat dua pasukan,” katanya selepas taklimat cadangan pembinaan Persimpangan Bertingkat di Jalan Meru kepada penduduk Bandar Bukit Raja, Klang bertempat di Dewan Hamzah, MPK semalam.

Katanya, terdapat empat pusat pemindahan bagi menghadapi fenomena air pasang iaitu Dewan Serbaguna Kampung Sungai Serdang, Sekolah Rendah Agama Kampung Batu 4 Jalan Kapar, Dewan Kompleks Sukan Pandamaran dan Dewan Serbaguna MPK Pelabuhan Klang.

“Kita telah maklumkan kepada penduduk agar berwaspada terutama pada 19 dan 20 September ini,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MBPJ TAX REBATE
Muka Surat	:	2

## **MBPJ TAX REBATE**

Petaling Jaya City Council (MBPJ) is offering assessment tax rebates for house owners who have taken the initiative to make their homes more green and environmental-friendly. The rebate covers these aspects: energy, water, waste, transportation or biodiversity. Application deadline is Oct 16. For details, download the form at <https://bit.ly/33j6FOb> or call MBPJ's Solid Waste Management and Public Cleansing Department at 03-7954 1440.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Lest we forget the hardworking 'water men'
Muka Surat	:	16

## Lest we forget the hardworking 'water men'

WATER trickling along the street, gushing out of a burst pipe. This is what I saw recently in my Petaling Jaya neighbourhood. Why? Because pressure was unstable in the water distribution network as supply was restored to the 1.2 million people affected by the Sungai Selangor pollution mishap. I was told ("Sg Selangor pollution causes water cut in seven Klang Valley districts", *The Star*, Sept 3; online at bit.ly/star\_river).

Some 50m from my gate, a pipe had burst. A Syabas (Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd) team arrived and began work in the early afternoon. Then the rain came. They continued to work, soaked by the downpour, trying to solve the problem of water gushing out of the burst 200mm pipe 1.5m below.

Two of the men stood in waist-deep water. They initially poured out buckets of water from the deep trench that had to be dug out by a backhoe to get to the burst pipe. Then other team members arrived with a mini generator to help get the job done. There were no breaks for rest.

The burst pipe was then sawed – it was real hard work! I stood and watched, feeling for each of them and thinking how easily the rest of us complain and demand an immediate solution to our water woes. What is taking them so long? Why have they not arrived yet? Questions I hear often.

Here's one answer: The past few days have been hard on everyone, as pipes burst in the Klang Valley with the returning water supply.

The backhoe driver told me he hadn't slept in the last 36 hours. When they are fixing burst pipes, there isn't even time to answer nature's call, much less take a break for food and sleep.

But the job on my street is an easy one compared to what they did yesterday, he said: They had to replace a burst pipe running under a bridge over a river; he showed me the photo. I asked how they managed. "Oh, we have people with all sorts of different expertise within Syabas – it is all a matter of teamwork."

They finally left at 9pm, the job done. Hopefully it was their last call.



**COMPASSION FOR EARTH**  
**Petaling Jaya**

**Heroes:** The Sybas men hard at work repairing the burst pipe. – Photo provided



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	New Straits Times
Tajuk Berita	:	Think for the long term
Muka Surat	:	2

# Think for the long term

Help nature to heal

**N**OT too long after various countries went on lockdown due to the Covid-19 pandemic, we started getting reports of wild animals “taking over” towns and marine life, such as whales and dolphins, being seen in what used to be busy, polluted waterways. It took a while, especially for the latter as the waterways had to be “cleansed” first before these marine animals could survive in them. But cleansed they were as humankind was forced to stay indoors, which resulted in less pollution everywhere. What this proved was that nature could heal itself as long as it was left alone to do so. It may take time but eventually, nature reclaims its very own. And so it is, too, with Sungai Ichat in Kuala Terla, Cameron Highlands. This time, though, it took a little bit of help from mankind. Sungai Ichat is one of the sources for the Kuala Terla water treatment plant. Plagued by pollution problems, it degenerated to a Class 4 river, meaning its water was classified as “moderate”.

Two years ago, the Pahang government decided that enough was enough and implemented severe enforcement action to tackle encroachment and illegal land clearing for farming near the river. This saw Sungai Ichat returning to such a pristine level that it is now considered a Class 1 river where minimum

 **Yes, nature does heal itself. But if we want it to heal faster, it needs help from the people and governments.**

treatment is needed for the water to be safe for consumption. Yes, nature does heal itself. But if we want it to heal faster, it needs help from the people and governments. And through this reasoning, it tells that the troubles in other rivers can also be solved. A case in point is the recent pollution at Sungai Gong, Selangor. The water from Sungai Gong leads eventually to Sungai Selangor. And Sungai Selangor is a major source of treated water for the Klang Valley. Selangor

is not the only state with water pollution problems. As we pointed out before, there are many dead rivers in Malaysia. There are many more which are not quite dead but will be soon if nothing is done. Now, imagine if these rivers are clean. We will have readily available sources of water. We would not have to face unscheduled water cuts — unless the treatment plants somehow malfunction — and fishermen and anglers would have an abundance of river fish and prawns to fill their pockets and bellies.

The restoration of rivers like Sungai Ichat via rehabilitation work and strict enforcement may be the solution, but there will still be a struggle. That struggle is to balance the needs of the people like farmers versus the long-term demands of sustainability. The key is to think for the long term. Naturally, there will be challenges — businesses and the people may suffer, farmers and fishermen may lose some income. But here is where the authorities can step in to help. It may prove difficult, politically, to move factories and other structures from riverine areas, but if we can muster the will to do it, think of the gains we will make in the future. Think, above all, of the life our children will be forced to lead if we do not.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	New Straits Times
Tajuk Berita	:	New water entity for FT won't solve problems, says association president
Muka Surat	:	7

**HOLISTIC SOLUTIONS**

## New water entity for FT won't solve problems, says association president

**KUALA LUMPUR:** The formation of a new entity to prevent water supply issues specifically for the Federal Territories will not solve the perennial water supply pollution and contamination.

The Association of Water and Energy Research Malaysia (Awer) president S. Piarapakaran said, instead, raw water pollution must be addressed for all.

"The recurring water resource pollution, causing water cuts in the Klang Valley, seems to be a perennial problem. A new entity will not solve the problem. What we need to do is work together to address the issue holistically."

Piarapakaran was commenting on the proposal to set up a water authority body specifically for the Federal Territories.

On Saturday, Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa tweeted that the frequent water

supply disruptions in the federal capital was worrisome and required long-term solutions.

He said among the long-term solutions required included the establishment of a water authority body specifically for the Federal Territories, along with a back-up plan or an alternative supply.

The Kateroh MP also said that there was a need to amend existing laws by imposing harsher punishment on quarters that cause a water crisis.

Piarapakaran said rather than forming a new entity, Annuar as a minister could push the cabinet to increase the penalty for those who

polluted water resources as this affected millions of consumers.

"A new entity in terms of cost is not going to be a good number, and the company that is operating right now (Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd) already put so much cost on the system.

"We cannot blame Air Selangor for the water pollution because they have no power to go after the polluters, as they are just the company that is treating and supplying water to the consumers."

He said many good suggestions had been put forward to the government to prevent the recurrence of water pollution in the long term, including from Awer.

He added that Awer had proposed that local council officers be trained by the Environmental Department.

"These officers are not environmental officers. They need to be trained so that they will be able to identify pollution and the culprits.

"If it is rubbish pollution, you can see it. (But) the actual pollution problem is liquid pollution going into the water."

Commenting on the recent incident, Piarapakaran said the company that polluted raw water in Sungai Selangor had caused chaos.

"They should be treated as terrorists and not normal criminals, as the factory had been fined RM60,000 for a similar offence in March.

"They know what they did was wrong, yet they did it again. Only

people with a terrorist mindset would do that. That river supplies almost 60 per cent of Klang Valley's raw water and yet you put so many people in danger."

Piarapakaran said the situation was going to repeat itself until a strong change was made in laws and policies, along with beefing up enforcement.

"The root cause of the problem goes back to enforcement and how officers and ministers want to take action."

He said it was unfortunate that enforcement only sprung into action when there was a problem.

"If only we realise the seriousness of the problem, just like how we took action to curb the spread of Covid-19, a similar incident will not happen anytime soon.

"We need the same energy as we did for Covid-19 to control the pollution."



S. Piarapakaran



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Sun
Tajuk Berita	:	KL food premises allowed to stay open until 2am
Muka Surat	:	5



Annuar and Nor Hisham (left) at a briefing on the Bukit Kiara Public Park Beautification project. – **BERNAMAPIX**

## KL food premises allowed to stay open until 2am

■ BY **ALISHA NUR MOHD NOOR**  
 newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** The Kuala Lumpur City Hall (DBKL) has agreed to allow food premises and convenience stores in Kuala Lumpur to operate up to 2am from today.

Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa said the extension is in line with the decision made by the National Security Council (MKN) which was announced by Senior Minister (Security) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob on Thursday.

“I have discussed with Kuala Lumpur Mayor Datuk Nor Hisham A Dahlan a while ago because MKN has given the relaxation.

“Traders have been making huge losses, if they (businessmen) do not threaten security which has been evaluated by MKN, I agree that City Hall allow opening to 2am.

“But the standard operating procedures (SOP) should be fully complied with,” he told a media conference after attending the Bukit

Kiara Public Park Beautification Programme yesterday.

DBKL had on Saturday announced the operation hours of business premises in Kuala Lumpur would still be up to 12am during the recovery movement control order (RMCO).

Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) president Datuk Jawahar Ali said around seven per cent of restaurants under Presma are facing business closure and more will be affected after the loan moratorium ends this month.

“This additional two hours would help the restaurant owners to do cleaning and rearranging tables to prepare for opening the next day” he said.

Malaysian Indian Restaurant Owners Association (Primas) president T. Muthusamy agreed that the two-hour will help restaurants to earn a bit more.

“Many business owners will be delighted and customers will get to spend more time

with their friends and family,” he said.

“Most Malaysians have been following the SOP during the RMCO.

“It will also make it easier for staff to clean the restaurant before closing.”

He pointed out that the Selangor government has also allowed restaurants and stores to operate until 2am.

Selangor’s Local Government, Public Transport and New Village Development Committee chairman Ng Sze Han said yesterday that restaurants and convenience stores in the state can continue to operating until 2 am following the announcement made by MKN

“Covid-19 cases in Selangor remained under control throughout the RMCO period, and it is timely to work on economic recovery.

“However, the prevention of the spread of the virus is still the state government’s priority. Therefore, visitors and store operators are reminded to fully adhere to the SOP issued by MKN,” he said in a statement.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Malaysian Reserve
Tajuk Berita	:	Selangor Business Hub aims 3000 firms on online platform
Muka Surat	:	2

## Selangor Business Hub aims 3,000 firms on online platform

by AFIQ AZIZ

INVEST Selangor Bhd is calling for small and medium enterprises (SMEs) to leverage its inaugural virtual Selangor Business Hub (SBH) initiative amid Covid-19 challenges for the business community.

Selangor state executive councillor Datuk Teng Chang Khim said the state is eyeing for more than 3,000 companies to register on the online platform within the next 12 months.

Currently, 300 merchants have registered to participate in the virtual Selangor International Expo (SIE), one of the components of SBH, scheduled to begin next month.

"The numbers are still growing.

So far, there are participants from over 10 countries in this programme.

"It is tough, but we will try to increase the participation to 3,000 merchants over the next one year because we have already reduced the price of booths from RM6,000 to RM500 for this summit," Teng said at the launch of SBH in Kuala Lumpur recently.

SBH, an alternative for businesses to communicate, engage and do networking with stakeholders, comprises three key components.

They are Invest Selangor promotional programmes, virtual Selangor International Business Summit, as well as the Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC).

The virtual Selangor International Business Summit is an online format of the annual Selangor International Business Summit (SIBS).

It consists of Selangor Asean Business Conference and Selangor Smart City and Digital Economy Convention, as well as SIE.

SITEC is an information hub for webinar programmes held by the council to expand and reach an international audience.

Teng explained that historically, there were up to 20% to 30% of foreign participants in the SIBS physical expo held last year. Invest Selangor aims to achieve the same composition for the virtual series this year.

"This is the only way that we

can work within the constraints of the close borders," he said, adding that Selangor is ready to adjust the format accordingly, including offer physical summit to businesses when the travel restrictions end.

Teng also said Selangor would focus on its Halal Business Hub programme and the aerospace industry development for SIBS this year.

On the state direct investments projection, Teng said it is still early to review its target this year as Selangor is already facing economic challenges due to the pandemic.

"Selangor has been ranked No 4 in terms of investment in the manufacturing sector with total investment worth RM1.5 billion

(for manufacturing) in the first quarter 2020 (1Q20) and we are waiting for 2Q results.

"It is still too early to give the forecast for this year as we have seen that Covid-19 has affected the investment flow in the state.

"I would say we don't have to be so pessimistic to look at those figures," he said.

Teng said Selangor will be more prudent in drafting its 2021 budget, to be tabled by year-end.

"In line with that, the provision may also be lower than what was provided last year.

"However, as long as the budget for development is sufficient to generate the economic growth in 2021, we will be satisfied with that," he said.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>14 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Malaysian Reserve
Tajuk Berita	:	Punish, not reward wrongdoers
Muka Surat	:	5

## Punish, not reward wrongdoers

*The Selangor govt decides to give one final chance to unlicensed factories and landowners to legalise their operations by the end of this year*

by **NUR HANANI AZMAN**

**LEGALISING** unlicensed and errant factories and landowners would only lead to unresolved issues.

Referring to the recent state-wide water woes, lawyer Datuk Mohd Haaziq Pillay Abdullah said the Selangor government must punish the wrongdoers instead of rewarding them.

"By legalising them, the state government is letting them to legally carry out their wrongdoings. This is absurd. Why has no action been taken against the board of directors?"

"Open investigation papers against the directors, who are behind the water pollution and collecting the profit. The directors should take responsibility," he told *The Malaysian Reserve (TMR)*.



The MACC reportedly has begun investigations into the issue of pollution of Sungai Gong

Mohd Haaziq said the factory should have already been closed as the last ordeal was not the first caused by the same company.

He stressed that water is a basic necessity and over 1.3 million residents had suffered, having to carry gallons of water.

"Not everyone has the privilege to stay in a hotel during the water crisis.

"Why do we allow some to abuse

and underestimate the rule of law. In the future, other factories will do the same," he added.

The Selangor government last week decided to give one final chance to unlicensed factories and landowners to legalise their operations by the end of this year.

Failure to do so, Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the state government would not hesitate to demolish the

building structures.

"We have been offering them to carry out the legalisation process since 2008.

"The decision of the last State Executive Council in 2018 was to extend the action until 2020. After 2020, we will demolish," he said in a press conference after the declaration of Kuala Langat Municipal Council as consented by the Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin

Idris Shah, last Wednesday.

*Bernama* reported that the factory suspected of the Sungai Gong water pollution was found to have operated without a licence since 2014.

According to Selayang Municipal Council corporate department director Mohamad Zin Masoad, data also showed that the factory had never applied for a licence since it started operating six years ago.

The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) reportedly has begun investigations into the issue of pollution of Sungai Gong, Rawang.

Universiti Putra Malaysia political scientist Prof Dr Jayum Anak Jawan echoed similar concerns and said this reflects the government's failure.

"This will only encourage people to do things illegally in the future, because they know that they will be given ample time to legalise their operations.

"This discourages good and law abiding citizens," he told *TMR*.

Jayum said the state's lackadaisical attitude only encourages deviant and disrespect for law and order.